



Anwar tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Tianjin Bihai untuk lawatan kerja empat hari ke China. (Foto PMO)

# Anwar mulakan lawatan kerja 4 hari di Tianjin, Beijing

Selain hadiri sidang SCO 2025, PM bakal sertai pertemuan pererat hubungan dagang 2 hala

Daripada Najmuddin Najib

bhnews@bh.com.my

di Tianjin, China



**Perdana Menteri**, Datuk Seri Anwar Ibrahim memulakan lawatan kerja empat hari di Tianjin dan Beijing China, semalam.

Antara lain, beliau menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO) 2025 hari ini.

Anwar juga dijadual menyampaikan syarahan umum bertajuk *Saling Bergantung Secara Berdaulat: Membina Masa Depan Bersama di Asia* kepada kira-kira 500 pelajar Universiti Tianjin.

Beliau akan mengadakan beberapa pertemuan perniagaari dengan tokoh industri serta pengasas syarikat multinasional di

Tianjin dan Beijing.

Anwar akan menjadi Perdana Menteri Malaysia pertama yang menghadiri Perbarisan Hari Kemenangan Tahunan China, sempena memperingati tamatnya Perang Dunia Kedua.

Acara itu dijadual berlangsung di Dataran Tiananmen, Beijing dengan kehadiran pemimpin dunia.

Anwar turut dijadualkan mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Xi dan Perdana Menteri Li Qiang di Beijing, esok.

Perdana Menteri dijangka menyuarakan sokongan terhadap idea 'Komuniti Strategik Peringkat Tinggi Malaysia-China dengan Masa Depan Bersama', yang dibangkitkan oleh Xi semasa lawatan beliau ke Malaysia pada Mei lalu.

Anwar dan delegasi tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Tianjin Bihai petang semalam dan disambut oleh Menteri Pertanian China, Han Jun; Pengerusi Persidangan Perundingan Politik Rakyat China Tianjin, Wang Chang Song dan Duta China ke Malaysia, Ouyang Yujin.

Turut hadir Duta Malaysia ke China, Datuk Norman Muhammad; Ketua Pengarah Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia, Datuk Zanariah Zainal dan Timbalan Ketua Perwakilan Kewangan Malaysia di China, Norfarina Mohd Azmee.

Delegasi Perdana Menteri disertai Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasion Ismail; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Aziz.

**Dirai majlis makan malam**

Malam tadi, Anwar dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail diraikan dalam Makan Malam Sidang Kemuncak SCO 2025, dianjurkan Presiden China, Xi Jinping di Pusat Konvensyen Meiji Jiang Tianjin.

SCO 2025 menjadi perhimpunan terbesar dalam sejarahnya, dengan lebih 20 pemimpin asing dan 10 ketua pertubuhan antarabangsa hadir.

SCO ditubuhkan oleh China dan Russia pada 2001 dengan tumpuan kepada keselamatan di Asia Tengah dan rantau sekitarnya.

Malaysia bukan ahli atau rakan dialog kepada SCO.

Lawatan kali ini adalah lawatan keempat Anwar ke China sejak 2023, dan dianggap signifikan kerana turut mencatat beberapa detik bersejarah buat Malaysia.

Anwar dijangka menjadi Perdana Menteri Malaysia pertama yang menghadiri dan menyampaikan ucapan di Sidang Kemuncak SCO.